

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 3, 2019 3:44 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: LARIAN PATRIOTIK 1,171 PELAJAR SAMBIL KIBAR JALUR GEMILANG



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 OKTOBER 2019 / 4 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Pusat Kokurikulum

LARIAN PATRIOTIK 1,171 PELAJAR SAMBIL KIBAR JALUR GEMILANG



UUM ONLINE: Demi menzahirkan rasa sayang kepada tanah air tercinta, seramai 1,171 peserta berlari sejauh 5 kilometer sambil mengibarkan Jalur Gemilang di Pusat Kokurikulum, Universiti Utara Malaysia.

Pengarah Pusat Kokurikulum Prof Madya Dr. Hussein Abdullah berkata, Larian Fun Run Kok Merdeka Anak Malaysia diadakan bersempena sambutan hari kemerdekaan dan Hari Malaysia.

Ujarnya, objektif utama program ini bertujuan memupuk menyemai semangat patriotisme dan rasa cinta pada negara dalam kalangan pelajar Unit Kepimpinan Pusat Kokurikulum UUM.

“Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kokurikulum yang bukan sahaja komited menjana kecemerlangan pelajar malah turut menyediakan ruang yang begitu luas kepada pelajar Unit Kepemimpinan untuk menggilap dan memperluaskan bakat dalam aspek kokurikulum.

“Diharapkan program ini menjadi salah satu medium yang berkesan bagi meningkatkan penglibatan para pelajar UUM dalam akses pendidikan yang berkualiti dan semoga kita seiring dalam melaksanakan perancangan yang telah dijana oleh Pihak Kokurikulum,” ucapnya.

Menurut pengarah program, Siti Aisyah Azizh, semangat patriotisme ini harus diterapkan kepada para pelajar selaku peneraju kepimpinan negara pada masa akan datang bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya.

“Sebanyak 300 medal yang pertama diberikan kepada peserta yang berjaya menamatkan larian serta hadiah berbentuk hamper juga disediakan kepada peserta yang memakai pakaian paling kreatif,” ujarnya.

Katanya, dalam larian ini, para peserta dibahagikan kepada dua kategori lelaki dan perempuan yang menyaksikan pelepasan yang diserikan dengan kibaran jalur gemilang tepat jam 8 pagi.

Sebelum wisel ditiupkan, laungan ‘Merdeka!’ bergema bagi menghangatkan lagi suasana dan menyemarakkan semangat cintakan negara.

Sementara itu, peserta, Lee Poh Choo berbangga menjadi anak Malaysia yang hidup dalam masyarakat majmuk dalam suasana aman harmoni dan saling menghormati satu sama lain.

“Program ini memupuk perpaduan dan mengekalkan semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa yang terdiri dari pelbagai bangsa, budaya dan agama bukan itu sahaja pelajar antarabangsa turut bersama kita memeriahkan acara sekali gus menjalin hubungan rapat,” luahnya

“Dalam acara ini kita semua pegang bendera Malaysia bersama-sama dan berlari sejauh 5 kilometer memang amat mencabar dan meletihkan namun saya bersyukur kerana dapat menyempurnakan larian ini dalam masa yang ditetapkan,” luahnya.

Teruja mengibar jalur gemilang, Lee Poh Choo menyifatkan aktiviti ini amat berfaedah dalam memupuk nilai patriotisme di kalangan pelajar di samping menyihatkan badan serta menyegarkan minda selain berharap program seumpama ini akan diteruskan pada setiap tahun.



Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.